



1001 PROGRAM SYAHADAH TAHFIZ BERASASKAN TEKNIK DEOBANDY: KAJIAN DI MAHAAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

Muhammad Fairuz bin A. Adi, Amir Sayyaf Shohaimi
fairuz@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Syahadah tahfiz merupakan kemuncak paling tinggi dalam proses hafazan al-Quran al-karim di sisi penghafaz al-Quran. Untuk melayakkan seseorang itu menerima syahadah atau perakuan tertinggi ini, hafazan mereka perlu diuji terlebih dahulu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para guru yang bakal memberi syahadah. Mahaad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) merupakan antara maahad tahfiz yang menawarkan program Syahadah Tahfiz kepada pelajarannya. Walaupun penubuhan MTNP bermula sejak 1996, teknik hafazan berasaskan Deobandy mula diperkenalkan kepada para pelajar pada tahun 2006 oleh pentadbir MTNP di mana kemuncak kepada teknik ini adalah program syahadah tahfiz. Di MTNP program syahadah ni telah mengalami beberapa pengubahsuaian oleh kerana kekangan yang dihadapi oleh pelajar dan guru terutama dari segi masa pengajian. Kajian ni dijalankan untuk mengkaji proses syahadah tahfiz berasaskan deobandy yang diamalkan di MTNP. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah pemerhatian dan tembual yang melibatkan pentadbir, para guru dan pelajar ni MTNP. Hasil kajian menunjukkan inovasi terhadap teknik Deobandy yang melibatkan program syahadah ini telah menarik minat pelajar untuk mengambil bahagian dalam syahadah dan mutu hafazan para pelajar menunjukkan peningkatan yang baik sejak program ini berjalan.

Kata kunci: *syahadah tahfiz, hafazan, al-Quran, teknik Deobandy, Maahad Tahfiz*

Pendahuluan

Al-Quran merupakan panduan bagi umat manusia di muka bumi ini, lebih tepat lagi al-Quran merupakan asas bagi umat Nabi Muhammad s.a.w di akhir zaman ini. (Zetty Nurzuliana Rashed dan Ab. Halim Tamuri 2014). Al-Quran dijadikan sebagai asas bagi membina pemikiran dan minda untuk menjayakan kehidupan dunia dan akhirat demi untuk membentuk masyarakat yang maju bagi membentuk generasi al-Quran. Generasi yang dibentuk dengan acuan al-Quran adalah generasi yang berjaya membentuk dan menanam unsur-unsur takut kepada Allah, membina jiwa berani, merdeka dan bebas.

Pada zaman serba canggih ini, pemeliharaan al-Quran masih sama seperti dahulu, seperti mana pada zaman Rasulullah dan para sahabat iaitu menggunakan kaedah hafazan. Meskipun begitu kaedah hafazan mempunyai sistem yang pelbagai. Di mana, bertujuan membantu orang ramai untuk menghafal al-Quran mengikut kemampuan dan kaedah tertentu.



Kemunculan Teknik Deoband Di Malaysia

Kaedah yang berasal dari Pakistan ni ini telah bertapak di Malaysia buat pertama kali pada tahun 1981 di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Balai Dakwah Jeram, Selangor. Setelah itu, kaedah Deobandy ini telah berkembang ke institusi-institusi tahfiz yang lain seperti Madrasatul Quran Kubang Bujuk dan Maahad Tahfiz Sri Petaling. Kebanyakan institut tahfiz yang menggunakan kaedah Deobandy adalah di bawah kelolaan jemaah tabligh. Kaedah Deobandy pada asalnya dibawa masuk ke Malaysia atas usaha jemaah tabligh di Malaysia. Jemaah tabligh di Malaysia telah membawa guru dari India untuk menjadi guru tahfiz di maahad tahfiz di Malaysia. Menurut ustazah Faizah binti Haji Mohd Amin, pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Balai Dakwah Jeram, pada peringkat awal penubuhan maahad ini, terdapat seramai 12 orang guru-guru tahfiz al-Quran yang dibawa khas dari India untuk mengajar kelas hafazan al-Quran di sini

PROSES HAFAZAN DALAM TEKNIK DEOBAND (bin Ariffin, S., bin Mohamad, S., bin Saad, S., bin Zakaria, M. Z., bin Nik, N. M. S. A., Sa'di bin Md Said, M., & bin Azmi, R. bin Ariffin, 2011: 39-48)

Persediaan Sebelum Menghafal

Pada peringkat permulaan, setiap pelajar diletakkan dalam beberapa kumpulan yang khusus. Setiap kumpulan tersebut mempunyai seorang guru dan beberapa pelajar antara 15 hingga 20 orang. Umur pelajar dalam setiap kumpulan tersebut tidak sama iaitu antara umur 12 hingga 17 tahun. Penentuan kumpulan tersebut telah ditentukan dalam mesyuarat pihak ustaz. Dalam seminggu, 5 hari digunakan untuk proses menghafal al-Quran iaitu hari Sabtu hingga Rabu. Manakala pada hari Khamis, waktu pagi hingga zohor sahaja terdapat kelas hafazan, dan di sebelah petangnya pelajar diberi rehat. Hari Jumaat adalah cuti umum dan pelajar digalakkan keluar berdakwah.

Salah satu keistimewaan kaedah Deobandy ini ialah terdapat Kelas Nazirah atau Pra Tahfiz yang diwujudkan untuk pelajar-pelajar yang masih lemah dari sudut pembacaan al-Quran. Kelas ini diadakan untuk membantu pelajar melancarkan bacaan al-Quran sebelum menghafaznya. Kelas ini dikhususkan bagi pelajar yang masih lemah dalam pembacaan al-Quran, manakala pelajar lain diletakkan dalam kelas tahfiz biasa. Dalam kelas ini, pelajar diberi peluang untuk membaiki bacaan dari segi tajwid, fasahah, kelancaran, dan tarannum al-Quran. Setiap pelajar perlu membaca al-Quran dengan melihat mushaf al-Quran sambil disemak oleh ustaz yang mahir dalam bidang tajwid al-Quran.

Kelas tahfiz al-Quran pula dikhususkan untuk menghafaz al-Quran. Dalam kelas ini, pelajar diletakkan dalam kumpulan tertentu dalam bulatan. Seorang guru mestilah seorang penghafal al-Quran bagi melayakkannya mengetuai dan memantau pergerakan pelajar dalam setiap kumpulan. Teknik duduk di dalam halaqah digunapakai dalam kaedah Deobandy ini di mana setiap pelajar duduk dalam bulatan bersama al-Quran dan rehal masing-masing.

Sabak (Hafalan Baru)

Keunikan kaedah Deobandy ini ialah pelajar dikenakan disiplin yang ketat. Seawal pukul 4.30 pagi, pelajar telah dikejutkan untuk solat sunat tahajjud sebelum menunaikan solat subuh. Setengah jam sebelum waktu subuh, para pelajar dikehendaki berada dalam kumpulan masing-



masing untuk diperdengarkan hafalan baru atau digelar *sabak* kepada guru kumpulan tersebut. Selain itu, keistimewaan lain bagi kaedah Deobandy ialah penggunaan rotan. Ia merupakan kemestian mengikut kaedah ini, dimana setiap kelemahan atau kesalahan pelajar akan dirotan mengikut bilangan yang disukai oleh guru.

Bermula sebelum subuh, pelajar mula menghafal hafalan baru atau *sabak*. Kadar hafalan pula berdasarkan kepada kemampuan pelajar tersebut. Guru akan memantau kelancaran hafalan, jika kurang lancar, hafalan baru pelajar akan dikurangkan. Keunikan lain dalam kaedah Deobandy ini ialah pelajar dikehendaki menghafal terlebih dahulu bermula dari juzuk 30, 29, 28, 27 dan 26. Setelah selesai 5 juzuk terakhir ini, barulah pelajar dibenarkan untuk menghafal dari juzuk pertama hingga 25. Perkara ini supaya memudahkan pelajar mengingat al-Quran kerana 5 juzuk terakhir ini adalah ayat-ayat pendek, mudah dan lazim didengar. Selain itu, pelajar dikehendaki melancarkan bacaan ayat yang ingin dihafal sebanyak 40 kali supaya memudahkan hafalan kelak.

Sebelum memperdengarkan hafalan seseorang pelajar kepada gurunya, mereka dikehendaki terlebih dahulu memperdengarkan hafalan kepada rakan di sebelah semasa sesi pengajian bagi memastikan bacaan tersebut tepat dan betul. Mereka hendaklah membaca 10 kali ayat yang telah dihafal bagi memastikan ia lancar dan tidak tersangkut. Pelajar yang telah bersedia untuk memperdengar bacaan mereka akan duduk di hadapan guru, dan catatan akan dibuat oleh guru berdasarkan tahap hafalan pelajar di dalam buku khas. Pelajar kebiasaannya akan dirotan jika terlupa ayat-ayat yang telah dihafal. Pada Pukul 7.30 pagi, pelajar akan bersarapan dalam talam. Pada pukul 8.30 pagi, kelas *sabak* disambung sehingga pukul 9.30 pagi. Secara keseluruhannya, pelajar mempunyai sekitar 4 jam untuk *sabak*. Waktu yang lama ini bagi memastikan ayat-ayat yang baru dihafal benar-benar terpahat di dalam hati para pelajar.

Para Sabak (Hafalan Mingguan)

Peringkat yang seterusnya dalam kaedah ini dikenali sebagai *Para Sabak* atau hafalan mingguan. Ia bermula pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Maknanya pelajar diberi masa 2 jam untuk *para sabak*. *Para sabak* bermaksud 1 juzuk di belakang hafalan baru. Pelajar diberi masa setengah jam sebelum memperdengar bacaan *para sabak* di hadapan guru. Guru membahagikan pelajar kepada pasangan masing-masing untuk membaca *para sabak* di mana pasangan masing-masing memiliki tahap hafalan yang sama bagi membina keserasian. Seterusnya, para pelajar dipanggil dengan pasangan masing-masing untuk memperdengar bacaan di hadapan guru halaqah.

Keunikan kaedah ini ialah seorang pelajar membaca sebanyak sejuzuk, sambil pasangannya menyemak bacaan pada mushaf al-Quran. Jika berlaku kesilapan, pasangan tersebut akan melaporkan bilangan kesalahan kepada guru halaqah. Seperti biasa rotan digunakan sebagai hukuman. Begitulah seterusnya bagi pasangannya pula. Dalam waktu yang sama, guru halaqah akan memastikan kelancaran *para sabak*. Kebiasaannya bilangan pelajar dalam setiap halaqah adalah genap bagi memudahkan proses *para sabak* bersama pasangan masing-masing.

Ammokhtar (Hafalan Keseluruhan Al-Quran)



Ammokhtar ini adalah ayat-ayat al-Quran yang telah lama dihafal dan melebihi satu juzuk di belakang hafalan yang terkini. Untuk mengulang *ammokhtar* ini, para pelajar akan diberi masa dari jam 2.30 petang hingga jam 4.00 petang khusus untuk tujuan tersebut. Pelajar akan diberi masa setengah jam untuk melancarkan dahulu hafalan mereka sebelum membacanya dihadapan guru. Pasangan untuk ulangan *ammokhtar* ini juga turut ditentukan oleh guru mereka.

Selain itu, keunikan kaedah ini antara lain menjadikan semua hafalan lama sebagai satu pusingan lengkap di mana setiap hari para pelajar dikehendaki membaca satu juzuk dari *ammokhtar* ini. Dengan susunan bacaan yang mengikut turutan surah dalam al-Quran, ia memastikan hafalan pelajar tersebut kekal dalam ingatan walaupun pelajar sedang menghafal juzuk atau ayat yang sukar. Dan bagi memastikan kelancaran pada hari berikutnya, setiap kali selepas maghrib, pelajar akan duduk dalam halaqah masing-masing dan mengulang hafalan *sabak*, *para sabak* dan *ammokhtar* secara bersendirian. Dan ia masih di bawah pantauan beberapa orang ustaz. Selain itu, ketiga-tiga kaedah Deobandy ini diguna pakai secara berterusan sehinggalah pelajar tersebut khatam keseluruhan 30 juzuk al-Quran.

Halaqah Dauri (Kelas Ulangan Hafalan)

Halaqah dauri bermaksud halaqah yang dibentuk oleh para pelajar yang telah khatam kesemua *sabak* atau dengan kata lain khatam 30 juzuk Quran. Halaqah ini dibentuk bertujuan sebagai mengulang kembali hafalan mereka. Unikunya, halaqah ini masih dalam pantauan guru masing-masing dan ini memastikan hafalan mereka diulang seperti dalam perancangan. Dengan tempoh masa dari enam bulan hingga dua tahun untuk berada dalam *halaqah dauri* ini, para pelajar yang tidak lancar akan mengulang semula *sabak*, namun tetap dalam halaqah ini.

Dalam peringkat ini, pelajar tidak membaca mengikut turutan surah. Ianya terbahagi kepada 3 pecahan, setiap 10 juzuk mewakili 1 pecahan. Pada hari pertama juzuk pertama dari pecahan pertama iaitu juzuk 1. Seterusnya, pada hari kedua, juzuk pertama dari pecahan yang kedua iaitu juzuk 11. Seterusnya pula, pada hari ketiga, juzuk pertama dari pecahan yang ketiga iaitu juzuk 21. Dan pada hari keempat, juzuk kedua dari pecahan pertama iaitu juzuk 2. Begitulah seterusnya sehingga khatam. Kaedah ini membantu pelajar menguasai hafalan dengan baik dan mampu membaca ayat-ayat yang telah dihafal walaupun tidak mengikut turutan surah atau juzuk.

Peringkat yang seterusnya, pelajar-pelajar yang sudah lancar hafalannya akan ke peringkat seterusnya iaitu membaca 2 juzuk sehari setiap bahagian. Begitulah seterusnya sehingga 5 juzuk sehari setiap bahagian dan mengambil masa 6 enam hari untuk khatam. Apabila guru sudah berpuas hati dengan prestasi hafalan pelajar tersebut, barulah *syahadah hafiz* dijalankan.

Syahadah Hafiz

Dalam *Syahadah Hafiz* ini, ia diadakan setelah persetujuan guru-guru yang berpuas hati dengan prestasi seseorang pelajar tersebut. Apa yang unikunya dalam *Syahadah Hafiz* ini adalah terdapat tiga cara untuk mendudukinya. Cara pertama ialah tasmik 30 juzuk sehari, cara kedua 15 juzuk sehari manakala cara ketiga 10 juzuk sehari. Dengan kata lain, 1 hari bagi cara pertama, 2 hari cara kedua dan 3 hari bagi cara ketiga. Dari segi masa syahadah tersebut, setiap juzuk



memerlukan setengah jam sahaja masa pembacaan. Dengan tiga orang guru pemeriksa termasuk dua daripadanya guru halaqah lain, para pelajar akan dianggap lulus apabila tidak lebih dari 10 kesalahan dilakukan semasa pembacaan.

Program Syahadah Di Maahad Tahfiz Negeri Pahang¹

Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) telah bermula dengan titah diRaja Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang supaya diwujudkan sebuah institusi seperti Akademi al-Quran bertujuan untuk melahirkan para hafiz dan juga qari dan qariah yang berwibawa. Pada tahun 1996, suatu bentuk kerjasama dengan pihak Darul Quran JAKIM telah terjalin untuk melaksanakan program Diploma Tahfiz al-Quran Wal- Qiraat (MTQP) di Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1, Kuantan. Pelajar-pelajar ini telah mendapat tajaan biasiswa Yayasan Negeri Pahang.

Program syahadah al-Quran ini merupakan idea dari pengarah Maahad Tahfiz Negeri Pahang iaitu Dato' Dr haji Zulkifli bin Haji Ali al-Hafiz. Beliau seorang telah membawa seorang guru tahfiz berkelayakan dan mahir dalam teknik hafazan deobandi untuk menjadi penyelarasan dan mengemudi program hafazan dan syaadah al-Quran di maahad ini. Pada peringkat awalnya program tersebut masih belum berjaya dilakukan sehingga pada tahun 2015 setelah mendapat sokongan dari pelbagai pihak terutama warga MTNP sendiri, setelah itu barulah program ini dapat dijalankan dengan jayanya.

Terdapat sedikit perbezaan program syahadah di MTNP ini dari kaedah asal. Antara perbezaannya adalah, para pelajar tidak diwajibkan untuk menyertai program syahadah tersebut, ianya hanya pilihan dan minat pelajar-pelajar.berbanding dengan kaedah asal teknik Deobandy ini, syahadah merupakan kemuncak dalam teknik tersebut dan kesemua pelajar secara automatik akan diserap masuk ke dalam kelas syahadah setelah mereka khatam hafalan 30 juzuk al-Quran. Bagi pelajar-pelajar di MTNP, mereka masuk ke kelas syahadah tersebut setelah mereka selesai menghafal jumlah juzuk yang tertentu. Sebagai contoh, pelajar tersebut ingin buat syahadah 10 juzuk, maka pelajar tersebut perlu tamat 10 juzuk secara hafalan dengan guru tasmik di halaqah masing-masing. Setelah tamat hafal 10 juzuk berulah pelajar tersebut masuk ke kelas syahadah, dan di sana mereka akan mula mengikuti jadual ulangan yang telah disusun oleh Ustaz Hamizi dan Ustaz Syed. Begitu juga untuk peringkat yang berikutnya.

Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas syahadah ini ada antaranya merupakan pelajar sepenuh masa di MTNP, mereka mempunyai jadual yang padat bermula seawal 8 pagi sehingga 5 petang. Pada sebelah paginya mereka mengikuti kelas hafazan di halaqah masing-masing dan diikuti dengan kelas akedemik. Dan rehat pada tengaharinya untuk makan tengahari dan solat zohor.

Program syahadah di MTNP terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu pelajar semasa dan pelajar sepenuh masa. Pelajar semasa terdiri dari kalangan pelajar-pelajar tingkatan Satu sampai tingkatan Lima dan pelajar-pelajar Diploma, mereka ini merupakan pelajar-pelajar yang masih menuntut di MTNP. Manakala pelajar sepanuh masa terdiri dari kalangan pelajar lepasan SPM

¹ Data-data dalam topik ini adalah hasil dari temubual ustaz Ahmad Hamizi, guru penyelarasan program syahadah MTNP dan temubual ustaz Syed Azri Syed Azmi, guru hafazan al-Quran MTNP



dan Diploma, mereka ini merupakan pelajar alumni MTNP. Dan terdapat sedikit perbezaan dari segi jadual pengajian dan pembelajaran mereka, juga berbeza dari sudut ulangan hafalan.

JADUAL PROGRAM SYAHADAH			
PELAJAR PROGRAM SYAHADAH SEMASA			
MASA	8.00 – 10.00	10.30 – 12.00	2.00 – 4.30
PROGRAM PENGAJIAN	PAGI	TENGAHARI	PETANG
TAHFIZ PROFESIONAL	Kelas Syahadah	Kelas Akademik	
TAHFIZ DIPLOMA	Kelas Syahadah		Kelas Akademik
PELAJAR PROGRAM SYAHADAH SEPENUH MASA			
MASA	8.00 – 10.00	10.30 – 12.00	2.00 – 4.30
PROGRAM PENGAJIAN	PAGI	TENGAHARI	PETANG
KELAS SYAHADAH	Kelas Syahadah		

Rajah 1 : Jadual Waktu Program Syahadah Di MTNP.

Semasa mereka di dalam kelas syahadah, mereka hanya membuat ulangan seperti mana yang telah dijadualkan oleh guru-guru. Mereka akan diberikan satu tempoh untuk mengulang sebelum menjalani ujian syahadah. Tempoh tersebut mengikut kepada jumlah juzuk yang mereka ambil, dan perlu membuat ulangan setiap hari seperti mana yang telah ditetapkan. Ujian syahadah pula akan dijalankan apabila pelajar tersebut telah betul-betul bersedia. Pelajar tersebut akan membaca dahulu kesemua juzuk yang mereka akan ambil untuk ujian syahadah di hadapan guru tasmik masing-masing, setelah guru tasmik berpuas hati dengan kelancaran hafalan pelajar tersebut barulah ujian syahadah akan dijalankan.

KATEGORI	TEMPOH
5 JUZUK	2 MINGGU – 2 BULAN
10 JUZUK	1 BULAN – 4 BULAN
20 JUZUK	2 BULAN – 8 BULAN
30 JUZUK	2 BULAN – 12 BULAN

Jadual 1: Tempoh Yang Diperuntukan Untuk Ulangan Syahadah

Sambutan Pelajar-Pelajar Terhadap Program Syahadah

Penerimaan pelajar-pelajar terhadap program syahadah ini semakin mendapat tempat, tahun demi tahun semakin ramai yang mengambil bahagian. Terutamanya selepas diperkenalkan pra-



syahadah 5 juzuk, inisiatif ini telah dicadangkan sendiri oleh Ketua Pengarah MTNP iaitu Dato' Dr Haji Zukifle Bin Haji Ali Al-Hafiz. Terbukti inisiatif ini Berjaya menarik minat pelajar-pelajar untuk turut mengambil bahagian dalam program syahadah tersebut.

Pertambahan jumlah pelajar-pelajar untuk program syahadah semakin meningkat dari tahun ke tahun, pada tahun 2015 seramai 23 orang. Manakala peningkatan berlaku pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun 2016 telah mencatatkan seramai 49 orang, peningkatan terus berlaku pada tahun 2017 menjadikan jumlah pelajar yang mengambil bahagian kepada 72 orang, mereka terdiri dari kalangan pelajar professional dan diploma, dan juga dari kalangan alumni MTNP sendiri. Menurut laporan yang diberi ketika sesi temubual berlangsung, penyertaan pelajar-pelajar terus meningkat sehingga mencatatkan pada bulan Januari 2018 seramai 5 orang, pada bulan Februari pula seramai 9 orang dan pada bulan Mac seorang pelajar berjaya menamatkan syahadah 30 juzuk.


BILANGAN/ TAHUN	2015	2016	2017
BILANGAN	23 ORANG	49 ORANG	72 ORANG

Jadual 2 : Peningkatan Jumlah Pelajar

Penyertaan Pelajar-Pelajar

Penyertaan pelajar-pelajar untuk mengikuti program syahadah ini akan dipilih melalui guru tasmik mereka sendiri. Mereka akan dipilih berdasarkan pencapaian hafalan dan kelancaran hafalan mereka. Program syahadah ini tidak diwajibkan kepada semua pelajar, ianya lebih kepada pilihan dan minat mereka sendiri. Tiada paksaan untuk mereka menyertai program tersebut. Bagi yang berminat dan yang mampu sahaja. Jika pelajar tersebut dilihat berpotensi untuk menduduki ujian syahadah maka pelajar tersebut disarankan untuk mengambil bahagian.

Berikut adalah proses permohonan pelajar-pelajar ke program syahadah, khas untuk pelajar semasa. Manakala bagi pelajar sepenuh masa, kebanyakan mereka telah pun khatam hafazan 30 juzuk dan mereka pernah menduduki ujian syahadah di peringkat awal dan ingin meneruskan ke peringkat berikutnya.



Rajah 2 : Proses Permohonan Masuk Ke Program Syahadah.

Walaupun program syahadah ini tidak diwajibkan kepada semua pelajar, namun begitu peningkatan jumlah pelajar yang mengambil bahagian menunjukkan program tersebut berjaya memenangi hati pelajar-pelajar. Walaupun tanpa paksaan mereka berminat untuk menyertai program tersebut.

KESIMPULAN

Dengan perlaksanaan program syahadah ini, MTNP berjaya melahirkan ramai para penghafaz al-Quran yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik semata-mata malah al-Quran yang dihafal juga mampu dikuasai dengan baik. Dengan usaha murni ini, dapat membantu pelajar-pelajar bagaimana cara untuk menjaga hafalan dengan baik. Usaha ini berjaya menambah mutu seseorang pelajar tahfiz tersebut, bukan sahaja cemerlang dari sudut kurikulum dan kokorikulum malah al-Quran yang dihafal juga berjaya dikuasai. Program seperti ini perlu diteruskan dan wajar dicontohi oleh mana-mana institusi yang menawarkan program tahfiz.

RUJUKAN

- Azmil Hashim et al. 2010. *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*.
- Azmil Hashim et al. 2013. *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*.



- Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj, Radzuan Kassim, Husaina Banu Kenayathulla, Shahril@Charil Marzuki, Faisol Elham. 2013. *Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan*
- Sedek bin Ariffin, Sabri bin Mohamad, Shaharuddin bin Saad, Mohd Zaini bin Zakaria, Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah, Mohd Sa'di bin Md Said, Riswadi bin Azmi. 2016. *Keunikan Metodologi Hafazan Al-Quran Deobandy Dari India.*
- Azmil Hashim. Ab. Halim Tamuri. 2012. *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia.*
- Ustaz Abdul Hafiz Bin Abdullah et al. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif : Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu.*
- Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar, Zetty Norzuliana Mohd Rashed, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan, Muhammad Yusuf Marlon B.Abdullah. *Kaedah Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran : Kajian Kes Di Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi Negeri Selangor.*
- Nor Musliza Mustafa. Mokmin Basri. 2014. *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden : Satu Kajian Awal.*
- Sedek Bin Ariffin. 2011. *Keunikan Metode-Metode Hafazan Al-Quran Di Dunia : Suatu Tinjauan Terhadap Kaedah Di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia, Dan Turki.*
- Wan Khalijah Binti Wan Jusoh et al. *Kaedah Menghafaz Al-Quran Yang Diaplikasikan Oleh Pelajar Darul Quran, JAKIM.*
- Zetty Nurzuliana Rashed, Abdul Halim Tamuri. 2014. *Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains.*
- Maahad Tahfiz Negeri Pahang. <http://www.tahfizpahang.edu.my/my/info-mtnp/sejarah-penubuhan> . April 2018
- Pencapaian MTNP kebanggaan negeri, Utusan Online,2014, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Timur/20140811/wt_04/Pencapaian-pelajar-MTNP-kebanggaan-negeri. April 2018
- Temubual bersama Ustaz Ahmad Hamizi Bin Abdul Ghani. Penyelaras Program Syahadah Maahad Tahfiz Negeri Pahang pada 27 April 2018. Jam 10 pagi.
- Temubual bersama Ustaz Syed Azri Bin Syed Azmi. Pembantu penyelaras Program Syahadah Maahad Tahfiz Negeri Pahang pada 27 April 2018. Jam 10.30 pagi.